



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 13/2026

### MAJLIS PRAPELUNCURAN RAKAN MASJID X RAKAN MUDA RAMADAN

16 FEBRUARI 2026

1. YB Dr. Mohammed Taufik Johari, Menteri Belia dan Sukan bersama YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menyempurnakan **Majlis Prapelucon Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan** di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Putrajaya hari ini.
2. Inisiatif **Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan** merupakan satu kerjasama strategik antara **KBS** bersama-sama **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dalam memperkukuh agenda pembangunan belia yang holistik dan berteraskan nilai **Malaysia MADANI**.
3. Inisiatif ini mengiktiraf peranan rumah ibadat sebagai sumber pengetahuan, pusat kerohanian dan institusi sosial yang inklusif untuk menyatukan serta memperkukuhkan keharmonian.
4. Pendekatan ini turut menyahut hasrat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan masjid sebagai pusat transformasi belia yang lebih dinamik melalui penubuhan **Jawatankuasa Belia di peringkat masjid dan surau**.
5. Pelaksanaan inisiatif ini digerakkan menerusi **Jawatankuasa Bersama KBS-JAKIM**, yang diterajui oleh JAKIM dengan kerjasama **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)**. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelaras aktiviti dan program yang bersesuaian bagi memakmurkan masjid, di samping melahirkan insan yang seimbang daripada aspek sahsiah, rohani, intelektual dan sosial.
6. Objektif utama Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan merangkumi empat (4) teras utama seperti berikut:
  - i. **Kepimpinan Pelapis** – Melahirkan generasi muda yang mencintai masjid serta menjadi pelapis kepimpinan dan pengimarahannya pada masa hadapan;
  - ii. **Aset Negara Berimpak** – Membentuk pimpinan muda berpotensi yang mampu memberi impak positif dan mempengaruhi masyarakat secara konstruktif;

- iii. **Kesejahteraan Holistik:** Mewujudkan komuniti belia yang sejahtera, adaptif, serta sihat daripada segi fizikal (BMI seimbang) dan mental dalam mendepani perkembangan teknologi;
  - iv. **Pencegahan Gejala Sosial:** Membina kepimpinan belia melalui penyediaan aktiviti berfaedah, pengukuhan ilmu Fardu Ain serta platform pembangunan diri yang komprehensif.
7. Menjelang bulan Ramadan 1447H, **Program Rakan Muda Ramadan** akan dilaksanakan di **15 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan Labuan** dan **113 buah daerah** di seluruh negara. Penyertaan di setiap negeri dijangka seramai **400 orang peserta kecuali di Perlis dan Labuan seramai 300 orang peserta**, menjadikan jumlah penyertaan di peringkat negeri seramai **5800 orang**. Manakala **130 orang peserta** dijangka menyertai program Rakan Muda Ramadan di **peringkat daerah** menjadikan jumlah penyertaan di peringkat daerah seramai **14,690 orang**. Fokus utama adalah aktiviti keagamaan dan kesukarelawanan.
  8. Kemuncak pelaksanaan inisiatif ini ialah Peluncuran Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan sempena **Iftar MADANI bersama YAB Perdana Menteri** pada 22 Februari 2026 yang bakal menghimpunkan kira-kira **10,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya golongan belia**.
  9. Keunikan sambutan Rakan Muda Ramadan pada kali ini ialah kepelbagaian kaum daripada pelbagai latar belakang turut mengimarahkan majlis peluncuran dan bersama-sama berbuka puasa. Ini penting supaya pembangunan rohani dan jati diri dalam pembangunan belia negara dapat dilaksanakan secara inklusif dan holistik oleh belia pelbagai agama dan latar belakang.
  10. Kerjasama antara KBS dan JAKIM membuktikan bahawa pembangunan belia tidak boleh dilaksanakan secara bersendirian, sebaliknya memerlukan penggabungan kekuatan kementerian, agensi, institusi masjid, pertubuhan belia dan komuniti setempat. Melalui pendekatan ini, masjid diangkat sebagai hab pembangunan belia yang inklusif dan progresif, merangkumi 10 Gaya Hidup Rakan Muda
  11. KBS berharap dengan program yang turut menyentuh elemen kerohanian, negara dapat membina generasi yang progresif dengan perwatakan mulia berlandaskan nilai-nilai murni.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

